



Ruj. Kami : JANM.600-19/8/1 (1)
Tarikh : 29 Mac 2024

Pengarah Bahagian
Ketua Akauntan Kementerian
Pengarah JANM Negeri dan Cawangan

Tuan/Puan,

TAWARAN MENYERTAI PROGRAM SIJIL PENTAULIAHAN PIAWAIAN PERAKAUNAN SEKTOR AWAM MALAYSIA (MPSAS), JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA (JANM) BAGI TAHUN 2024

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa JANM telah memperkenalkan Program Sijil Pentauliahan MPSAS sejak Tahun 2022 bagi mengiktiraf tahap kompetensi pegawai dalam mengaplikasi pengetahuan perakaunan dan kepakaran berkaitan proses kerja, peraturan dan sumber, keupayaan membuat keputusan dan pengurusan masa. Oleh yang demikian, JANM akan menganjurkan dua (2) siri Program Sijil Pentauliahan MPSAS sekali lagi pada tahun ini seperti ditetapkan yang berikut:

Bil.	Program Sijil Pentauliahan MPSAS	Tarikh Pelaksanaan
1	Siri 1 Tahun 2024	13 - 17 Mei 2024
2	Siri 2 Tahun 2024	9 - 13 September 2024

3. Untuk makluman tuan/puan, pegawai yang lulus dalam program ini akan mendapat sijil pentauliahan dan mendapat pengiktirafan gelaran '**Certified MPSAS Practitioner**' atau **CMP** daripada Jabatan Akauntan Negara Malaysia.

4. Pegawai yang berminat dan memenuhi kriteria yang ditetapkan seperti di **Lampiran A** adalah dijemput untuk menyertai program pensijilan ini bagi sesi tahun 2024. Sila muat turun borang permohonan seperti di **Lampiran B** untuk dilengkapkan dan kemukakan ke email nandakumar.mohan@anm.gov.my seperti tarikh-tarikh yang telah ditetapkan:

Bil.	Program Sijil Pentauliahan MPSAS	Tarikh Tutup
1	Siri 1 Tahun 2024	15 April 2024 (Isnin)
2	Siri 2 Tahun 2024	15 Julai 2024 (Isnin)

Ruj. Kami : JANM.600-19/8/1 (1)

5. Sebarang pertanyaan lanjut berkenaan perkara ini, sila hubungi pegawai kami seperti berikut:

<u>Bil.</u>	<u>Nama Pegawai</u>	<u>Telefon</u>	<u>Emel</u>
i.	Mohd Said bin Mohd Rais	03-32172015	mohdsaid.prk@anm.gov.my
ii.	Ahmad Nur Fairuz Bin Mashod	03-32172105	ahmadnurfairuz@anm.gov.my
iii.	Nandakumar A/L Sandra Mohan	03-32172117	nandakumar.mohan@anm.gov.my

6. Kerjasama dan sokongan tuan/puan dalam perkara ini amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"Memperkasa Budaya Inovasi Pendigitalan"

Saya yang menjalankan amanah,



(DR. AHMAD SHUKRI BIN ABDUL GANI c.A.(M))
Pengarah
Institut Perakaunan Negara
b.p Akauntan Negara Malaysia
Jabatan Akauntan Negara Malaysia